

# Peluang Kerja Mahir Terhad

Hafiz Hafizi Suhaimi dan Hawati Abdul Hamid



## Pengenalan

Melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi mungkin bukan lagi menjadi pilihan utama anak muda untuk membina kehidupan yang lebih baik. Fenomena ini semakin ketara pasca-Covid-19 apabila statistik menunjukkan peningkatan mendadak lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak mahu menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi<sup>1</sup>. Kumpulan ini sebahagian besarnya telah mengambil keputusan untuk menyertai pasaran buruh tanpa sebarang sijil kelayakan atau kemahiran khusus.

Tindakan ini berkemungkinan didorong oleh pelbagai faktor, sama ada pilihan sendiri mahupun keadaan yang memaksa, termasuklah persepsi terhadap keadaan semasa pasaran buruh yang mencabar. Anak muda beranggapan bahawa pendidikan tinggi tidak lagi memberi nilai tambah kepada mereka untuk mendapatkan kerja yang baik serta gaji yang setimpal pada masa akan datang.

**Views** adalah rencana yang diterbitkan bagi menggalakkan perbincangan dan pertukaran pandangan tentang isu-isu semasa. Rencana ini adalah merupakan pendapat penulis dan tidak semestinya mewakili pendirian rasmi KRI.

Rencana ini disediakan oleh Hafiz Hafizi Suhaimi dan Hawati Abdul Hamid, penyelidik di Khazanah Research Institute (KRI). Penulis berterima kasih atas maklum balas yang diterima daripada Puteri Marjan Megat Muzafar.

E-mel penulis:  
[hafiz.suhaimi@krinstitute.org](mailto:hafiz.suhaimi@krinstitute.org)  
[hawati.hamid@krinstitute.org](mailto:hawati.hamid@krinstitute.org)

Atribusi – Sila rujuk karya ini seperti berikut Hafiz Hafizi Suhaimi dan Hawati Abdul Hamid. 2024. Peluang Kerja Mahir Terhad. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0.

Maklumat tentang kajian Khazanah Research Institute dan penerbitan dalam bentuk digital boleh didapati di [www.KRInstitute.org](http://www.KRInstitute.org).

<sup>1</sup> Sinar Harian (2023)

Telahan mereka ada kebenarannya. Statistik guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran<sup>2</sup> pada 2023 menunjukkan hampir empat bagi setiap 10 siswazah yang bekerja berada dalam pekerjaan yang tidak sepadan dengan kelayakan mereka. Ini bermakna gaji yang diterima juga rendah kerana kemahiran yang diperlukan adalah separa mahir atau tidak mahir. Selain itu, jumlah siswazah yang berada dalam pekerjaan tidak formal juga meningkat iaitu daripada 8.6% pada 2013 kepada 15.8% pada 2021<sup>3</sup>. Ekonomi gig dan menjadi pempengaruh adalah antara daya penarik kepada sektor ini.

Di sebalik jurang kemahiran siswazah dalam memenuhi kehendak pasaran yang sering diutarakan, rencana ini akan mengupas dari aspek ketersediaan peluang pekerjaan mahir bagi memberikan sisi pandang tambahan berhubung cabaran siswazah dalam pasaran buruh.

### **Jurang dalam sasaran penciptaan kerja mahir**

Kerajaan telah mengenalpasti sasaran yang khusus untuk mewujudkan pekerjaan mahir di Malaysia melalui pelbagai pelan pembangunan sedia ada. Namun, dapatan daripada laporan terkini Khazanah Research Institute (KRI) bertajuk “Shifting Tides: Charting Career Progression of Malaysian Skilled Talents” mendapati sasaran tersebut sering kali tidak tercapai.

Sejak 2010, melalui inisiatif Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme*, ETP), sebanyak 3.3 juta pekerjaan disasar akan diwujudkan dengan 57% daripadanya adalah pekerjaan berpendapatan tinggi dan sederhana<sup>4</sup>. Melalui Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) dan ke-11 (RMK-11), sasaran berkaitan pekerjaan mahir telah ditetapkan masing-masing sebanyak 33%<sup>5</sup> dan 35%<sup>6</sup>.

Secara keseluruhan, penciptaan kerja baharu merentas semua tahap kemahiran telah melepas sasaran yang ditetapkan dalam pelan-pelan pembangunan tersebut, kecuali RMK-11 yang hanya mencapai 85% daripada sasaran<sup>7</sup>. Namun begitu, jumlah kerja mahir yang telah diwujudkan masih jauh daripada sasaran dan kekal di bawah paras 25%<sup>8</sup> (Rajah 1). Jurang pencapaian ini bermakna perlu ada semakan dasar semasa bagi menambahbaik inisiatif penciptaan kerja mahir dalam pasaran buruh.

---

<sup>2</sup> DOSM (2023c)

<sup>3</sup> DOSM (2021)

<sup>4</sup> PEMANDU (2010a)


<sup>5</sup> EPU (2010)

<sup>6</sup> EPU (2016)

<sup>7</sup> EPU (2021)

<sup>8</sup> KRI (2024)

**Rajah 1: Pencapaian sasaran penciptaan kerja berdasarkan ETP, RMK-10 dan RMK-11**



Sumber: PEMANDU (2010b), EPU (2010), EPU (2015), PEMANDU (2017), EPU (2021), Kementerian Ekonomi (2023) dan analisis penulis

Bagi memacu pembangunan masa hadapan, Kerajaan sedang giat melaksanakan pelbagai daya usaha melalui Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR).

Semua pelan ini terus memberi penekanan kepada penciptaan kerja mahir dalam sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti. Misalnya, NIMP 2030 menetapkan peluang kerja mahir sebanyak 700,000 dalam sektor pembuatan bernilai tinggi<sup>9</sup>, manakala NETR Fasa 1 pula menetapkan sebanyak 23,000 kerja berkemahiran dan bernilai tinggi akan diwujudkan<sup>10</sup>. Penciptaan kerja mahir melalui pelan-pelan ini mestilah sentiasa dipantau bagi memastikan sasaran yang ditetapkan akan tercapai.

### Trend kerja mahir menyusut

Statistik menunjukkan peratus kerja mahir berbanding jumlah kerja keseluruhan kekal berada di bawah 25% antara 2015 hingga 2022<sup>11</sup>. Manakala, kerja separa mahir pula mendominasi pasaran apabila melebihi 61% daripada keseluruhan jumlah kerja yang ada bagi tempoh yang sama (Rajah 2).


Namun, yang lebih membimbangkan, dari segi penciptaan kerja, taburan kerja mahir baharu dilihat menurun daripada 49.8% pada 2016 kepada hanya 29.5% pada 2022 (Rajah 3). Kekurangan penciptaan kerja mahir ini telah ditampung dengan kerja separa mahir yang menyaksikan peningkatan daripada 43.2% kepada 60.8% dalam tempoh yang sama.

<sup>9</sup> EPU (2023)

<sup>10</sup> MEA (2023)


<sup>11</sup> DOSM (2023a)

**Rajah 2: Pecahan jumlah kerja berdasarkan tahap kemahiran, 2015–2022**



Sumber: DOSM (2023b) dan DOSM (2018)

**Rajah 3: Pecahan penciptaan kerja berdasarkan tahap kemahiran, 2015–2022**




Sumber: DOSM (2023b) dan DOSM (2018)

Data penciptaan kerja mahir ini seakan tidak selari dengan sasaran yang ditetapkan Kerajaan melalui pelan-pelan pembangunan sedia ada. Walaupun pencapaian penciptaan kerja melebihi sasaran, namun kerja yang diwujudkan tersebut adalah bersifat separa mahir.

Jika diteliti dari aspek aktiviti ekonomi pula, jumlah kerja didominasi oleh sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 51.6% antara 2015 hingga 2022, diikuti oleh sektor pembuatan sebanyak 42.8% bagi tempoh yang sama. Dapatkan ini adalah selari dengan kepentingan sektor perkhidmatan yang memacu pertumbuhan ekonomi.


Tetapi, jika diteliti dengan lebih mendalam, peratusan kerja mahir dan separa mahir dalam sektor perkhidmatan adalah hampir setara—masing-masing sebanyak 34.4% dan 46.6%. Ini bermakna keupayaan sebenar sektor perkhidmatan dalam menyumbang kepada peningkatan nilai pasaran buruh adalah terhad disebabkan dominasi kerja separa mahir masih tinggi. Keterbatasan sektor perkhidmatan sebagai penggerak utama ekonomi juga dapat dilihat melalui peningkatan jumlah kekosongan kerja mahir dalam sektor ini daripada 25.4% pada 2015 kepada 50.3% pada 2022 (Rajah 4). Ini menggambarkan tenaga kerja sedia ada sukar untuk mengisi kekosongan tersebut. Sebaliknya, Rajah 5 menunjukkan jumlah kekosongan kerja separa mahir dalam sektor ini menurun daripada 48.4% kepada 27.2% bagi tempoh yang sama. Ramai pekerja dilihat lebih mudah untuk memasuki sektor ini melalui kerja separa mahir berbanding kerja mahir.

**Rajah 4: Peratusan kekosongan kerja mahir berdasarkan sektor ekonomi, 2015–2022**



Sumber: DOSM (2023b), DOSM (2018) dan analisis KRI

**Rajah 5: Peratusan kekosongan kerja separa mahir berdasarkan sektor ekonomi, 2015–2022**




Sumber: DOSM (2023b), DOSM (2018) dan analisis KRI

## Kerja mahir tidak sepadan jumlah siswazah

Isu pokok yang timbul adalah ketidakcukupan kerja mahir untuk menampung keluaran siswazah yang bertambah. Di samping itu, kesukaran untuk mengisi kekosongan bagi kerja-kerja mahir tertentu kerana kekurangan bakat berkemahiran yang memenuhi kehendak pasaran menjadikan cabaran pasaran buruh semakin sukar ditangani.

Rajah 6 menunjukkan jumlah siswazah baru dan lama dalam pasaran buruh telah meningkat daripada 4.0 juta pada 2015 kepada 5.2 juta pada 2022<sup>12</sup>. Manakala, jumlah kerja mahir pula hanya meningkat daripada 2.0 juta pada 2015 kepada 2.2 juta pada 2022. Ini bermakna, jumlah kerja mahir masih kurang daripada separuh jumlah siswazah yang berada dalam pasaran buruh.

**Rajah 6: Perbandingan jumlah tenaga kerja berpendidikan tinggi dan jumlah kerja mahir, 2015–2022**



Sumber: DOSM (2023b), DOSM (2022) dan DOSM (2018)

Sementara itu, pertambahan pekerja berpendidikan tinggi dalam pasaran buruh semakin signifikan apabila keluaran graduan secara purata mencecah 300,000 setahun antara 2015 hingga 2022. Manakala penciptaan kerja mahir baharu pula hanya sekitar 55,000 setahun dalam tempoh yang sama. Inisiatif untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang setara dengan kelayakan, selain menawarkan gaji yang setimpal mestilah juga selari dengan usaha untuk membangunkan lebih ramai tenaga kerja berpendidikan tinggi.


Lebih menarik, walaupun jumlah tenaga kerja berpendidikan tinggi adalah lebih banyak berbanding jumlah kerja mahir, ramai majikan masih berasa sukar untuk mengisi kekosongan jawatan kerja mahir. Alasan yang diberikan, antaranya, adalah calon yang memohon tidak mempunyai pengalaman kerja dan kemahiran teknikal yang diperlukan<sup>13</sup>. Bagi menangani persepsi sebegini, terdapat keperluan agar keupayaan pengetahuan dan kemahiran sebenar tenaga kerja berpendidikan tinggi di Malaysia diperhalusi supaya program pembangunan kemahiran yang dilaksanakan adalah relevan dan strategik.

<sup>12</sup> DOSM (2022)

<sup>13</sup> TalentCorp (various year)

Sebab lain yang turut menyumbang kepada persepsi ini berkemungkinan pemilihan bidang pengajian tidak selari dengan bidang yang diperlukan industri. Jika dibandingkan bidang pengajian berdasarkan keluaran graduan dan kehendak industri, terdapat perbezaan ketara apabila keluaran graduan adalah lebih tinggi dalam bidang pengajian Sains Sosial, Perniagaan dan Undang-Undang berbanding keperluan graduan berkemahiran teknikal seperti Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan (Rajah 7)<sup>14</sup>.

**Rajah 7: Perbandingan bidang pengajian berdasarkan keluaran graduan dan keperluan industri, 2021**



Sumber: MOHE (2021), TalentCorp (2021)

Nota: Lain-lain adalah termasuk Sastera & Kemanusian, Pendidikan, Kesihatan & Kebajikan serta Pertanian & Veterinar.

Inisiatif pelaksanaan program pembangunan kemahiran yang lebih jitu dan tersusun perlu dirangka bagi membolehkan graduan yang memasuki pasaran kerja dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran tertentu untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, cabaran pasaran buruh perlu diteliti dari kedua-dua aspek pengeluaran dan permintaan tenaga kerja. Penumpuan terhadap mewujudkan lebih banyak kerja mahir perlu dipertingkatkan melalui pelbagai inisiatif pelaburan dan pembangunan yang lebih bernilai tinggi. Pelaburan untuk menghasilkan tenaga kerja berpendidikan tinggi seharusnya digunakan secara maksimum dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

---

<sup>14</sup> KRI (2024)

## Rujukan

- DOSM. 2018. "Employment Statistics, Second Quarter 2018."
- . 2021. "Informal Sectors and Informal Employment Survey Report."
- . 2022. "Graduates Statistics."
- . 2023a. "Employment Statistics, First Quarter 2023."
- . 2023b. "Employment Statistics, Second Quarter 2023."
- . 2023c. "Labour Force Survey Report, Quarter 4 2023."
- EPU. 2010. "Rancangan Malaysia Ke-10."
- . 2015. "Rancangan Malaysia Ke-11."
- . 2016. "Rancangan Malaysia Ke-11, Strategi 1 - Meningkatkan Potensi Produktiviti."
- . 2021. "Rancangan Malaysia Ke-12."
- . 2023. "National Industrial Master Plan 2030."
- Kementerian Ekonomi. 2023. "Rancangan Malaysia Ke-12 - Kajian Separuh Penggal."
- KRI. 2024. "Shifting Tides: Charting Career Progression of Malaysia's Skilled Talents."
- MEA. 2023. "Press Release on National Energy Transition Roadmap (NETR)."
- MOHE. 2021. "Higher Education Statistics 2021."
- . various year. "Higher Education Statistics." <https://www.mohe.gov.my/en/downloads/statistics>.
- PEMANDU. 2010a. "Economic Transformation Programme - Executive Summary."
- . 2010b. "Economic Transformation Programme Roadmap."
- . 2017. "Annual Report 2016."
- Sinar Harian. 2023. "300,000 Lepasan SPM Tidak Mahu Sambung Belajar," 2023. <https://www.sinarharian.com.my/article/269192/berita/nasional/300000-lepasan-spm-tidak-mahu-sambung-belajar>.
- TalentCorp. 2021. "Malaysia Critical Occupations List - 2020/2021."
- . various year. "Malaysia Critical Occupations List (MyCOL)."